# Umat Islam Indonesia Berjaya dalam Pemilihan Umum

Dalam undian-undian yang telah dikira daripada 15 daerah seluruh Indonesia seperti yang tersiar XXXX pada 15 Oktober yang lalu menzahirkan bahawa umat Islam Indonesia berjaya (*leading*) dalam 13 tempat daripada 15 tempat yang tersebut iaitu 11 Masyumi, 2 Nahḍat al‘Ulamā’ dan hanya dua parti Nasional. Kenyataannya seperti berikut:

| Di Jawa: | Yang terkemuka: |
|---|---|
| 1. Jakarta Raya | Masyumi |
| 2. Jawa Barat | Masyumi |
| 3. Jawa Tengah | P.N.I |
| 4. Jawa Timur | Nahḍat al‘Ulamā’ |
| Luar Jawa: | |
| 5. Sumatera Selatan | Masyumi |
| 6. Sumatera Tengah | Masyumi |
| 7. Sumatera Utara | Masyumi |
| 8. Kalimantan Barat | Masyumi |
| 9. Kalimantan Timur | Masyumi |
| 10. Kalimantan Selatan | Nahḍat al‘Ulamā’ |
| 11. Sulawesi Tenggara/ Selatan | Masyumi |
| 12. Sulawesi Utara/ Tenggara | Masyumi |
| 13. Nusa Tenggara Barat | P.N.I |
| 14. Nusa Tenggara Timur | Masyumi |
| 15. Maluku | Masyumi |

Angka-angka bilangan undian yang tidak rasmi adalah menunjukkan bahawa umat Islam masih menang: dan angka-angka undian itu seperti berikut:

| Daerah | Masyumi | PNI | Nahdlatul Ulama’ | Komunis |
|---|---|---|---|---|
| Jakarta Raya | 204,057 | 144,146 | 112,985 | 91,662 |
| Jawa Barat | 1,834,687 | 1,501,440 | 646,588 | 693,589 |
| Jawa Tengah | 1,732,047 | 3,042,939 | 1,806,755 | 2,386,693 |
| Jawa Timur | 1,087,209 | 2,204,580 | 3,210,810 | 2,253,242 |
| | 4,858,000 | 6,893,105 | 5,777,138 | 5,430,186 |
| Sumatera Selatan | 626,817 | 238,203 | 121,004 | 192,268 |
| Sumatera Tengah | 728,681 | 30,831 | 61,476 | 92,886 |
| Sumatera Utara | 438,122 | 266,004 | 74,988 | 232,141 |
| Kalimantan Barat | 136,749 | 53,978 | 36,966 | 8,206 |

| | Masyumi | PNI | Nahḍat al‘Ulamā’ | Komunis |
|---|---|---|---|---|
| Kalimantan Timur | 34,644 | 24,962 | 17,102 | 9,335 |
| Kalimantan Selatan | 251,036 | 30,546 | 372,784 | 13,393 |
| Sulawesi Selatan | 135,523 | 10,680 | 31,012 | 7,457 |
| Sulawesi Utara/ Tengah | 62,347 | 48,991 | 19,498 | 16,887 |
| Maluku | 92,140 | 22,531 | --- | 7,488 |
| Nusa Tenggara Barat | 256,596 | 155,658 | 100,994 | 30,739 |
| Nusa Tenggara Timur | 63,083 | 27,506 | 3,078 | --- |
| | 825,738 | 909,890 | 813,750 | 614,411 |

Daripada angka-angka ini maka jumlah besar ialah Masyumi 7,683,738, PNI 7,802,995, Nahdlatul Ulama’ 6,590,888 dan Komunis 6,044,597 suara sungguhpun angka-angka Parti Kebangsaan lebih tinggi daripada Masyumi tetapi berhubung dengan cara pembahagian kerusi di Pulau Jawa dengan di luar Jawa lain maka sekalipun di Jawa Masyumi kalah tetapi di luar Jawa ia telah menang maka nyata Masyumi mendapat lebih banyak kerusi daripada Parti Kebangsaan, angka-angka rasmi belum tersiar lagi.

Melihat ini maka angka-angka yang didapati oleh umat Islam ialah 14,274,626 suara tidak termasuk suara-suara yang didapati oleh pertubuhan Islam yang lain seperti Parti Sarekat Islam Indonesia, dan PERTI. Sungguhpun mereka mendapat kejayaan tetapi kejayaan itu tidaklah cukup memuaskan kerana jika kerusi-kerusi itu didapati lebih daripada separuh maka yag demikian akan diharap boleh menyampaikan maksud umat Islam menegakkan negara Islam di Indonesia.

Di sebalik itu dengan kemenangan-kemenangan ini dan dengan meninggalnya Sidik Joyo Sukarto (Ketua PNI) maka ada kemungkinan Parti Kebangsaan itu memutarkan haluannya daripada bekerjasama dengan Parti Komunis kepada bekerjasama dengan Parti-parti Islam. Marilah kita tunggu apa yang akan berlaku!